

Headline	25 pasar tani tawar diskaun barang segar sempena Aidiladha		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	09 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	42	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	157 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,627
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,880



**AHMAD Azizi (dua dari kiri) mengagihkan khemah niaga kepada peserta pasar Tani Fama di Pasar Tani Jertih, semalam.**



### Jertih

## 25 pasar tani tawar diskaun barang segar sempena Aidiladha

Orang ramai terutama umat Islam boleh mendapatkan pelbagai barangan mentah dan basah untuk persiapan Aidiladha, Ahad ini pada harga rendah di 25 pasar tani terpilih seluruh negeri sehingga Sabtu ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Terengganu, Fauzi Mohamed berkata, 25 daripada 46 lokasi pasar tani di seluruh negeri mengadakan pasar tani khas praAidiladha, yang menawarkan potongan harga pelbagai barangan antara lima hingga 20 peratus.

Beliau berkata, orang ramai menikmati harga antara lima hingga 20 peratus

lebih rendah berbanding pasar tani biasa merangkumi pelbagai barangan termasuk daging, ayam, ikan dan sayuran.

“Sebagai contoh, harga sekilogram daging dijual antara RM30 hingga RM32 sebelum ini, tetapi di pasar tani khas Aidiladha, ia dijual antara RM28 hingga RM29 sekilogram.

“Selain harga berpatutan, bekalan barangan basah jauh lebih segar dan berkualiti,” katanya selepas pelancaran program Jimat Belanja Dapur Pra-Aidiladha peringkat Terengganu oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Besut, Ahmad AziziZulkifli, di Pasar Tani Jertih di sini.